

10/02/2001

Cermin diri sebelum kritik usaha kerajaan

Jamhariah Jaafar

KEMELUT perpaduan Melayu masih di persimpangan jalan. Sebarang usaha untuk meleraikan pertelingkahan sesama saudara Islam ini bergantung kepada budi bicara dua parti Melayu utama yang kini saling bertarik tali untuk mendapat sokongan akar umbi.

Ironinya, dalam membincangkan mengenai masalah Melayu ini, ia sebenarnya lebih bertumpu kepada permasalahan politik, dengan rakyat biasa berada di tengah-tengah.

Rakyat biasa yang cintakan keamanan sudah pasti tidak mahu berlaku situasi seperti 'gajah sama gajah bertempur, kancil mati di tengah-tengah' kerana akhirnya mereka tidak mendapat sebarang manfaat.

Justeru, analisis terperinci perlu dilakukan terhadap mengapa timbul perasaan tidak puas hati terhadap pemerintahan yang diketuai parti Umno sedangkan gagasan Barisan Nasional (BN) sudah membawa Malaysia ke satu persada kejayaan yang tidak pernah dibayangkan dapat dicapai dalam tempoh singkat.

Paling dikesalkan apabila ada yang merungut kemajuan yang dicapai negara ini terlalu pantas, kononnya tidak seimbang dengan kemajuan yang dicapai oleh rakyatnya.

Persoalannya ialah salahkan kerajaan BN memecut pantas dalam usaha pembangunan semata-mata untuk memastikan Malaysia bukan saja berjaya seiring sejalan dengan negara-negara membangun yang lain, bahkan kedudukan ini turut menjulang martabat bangsa Melayu kerana anak bangsanya sendiri menjadi arkitek kejayaan berkenaan.

Kritikan bahawa kerajaan tidak melakukan usaha yang cukup untuk membantu anak Melayu, terutama dalam perniagaan, sebaliknya hanya mengutamakan beberapa orang yang digelar kroni, juga patut diberi gambaran sebenar bagi memastikan agenda Melayu kerajaan selama ini tidak diberi tinta hitam dalam fakta sejarah negara.

Sebenarnya, tidak siapa boleh menafikan hakikat bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada 1970, sudah membuahkan hasil lumayan, terutama kepada agenda serampang dua matanya, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Ia adalah strategi yang berjaya merapatkan jurang yang sebelum itu menyisihkan anak bangsa sendiri daripada arus pembangunan.

Kuasa yang berada di dalam tangan anak Melayu, terutama ketika zaman pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, berjaya memastikan arus perubahan turut meliputi bangsa Melayu, terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi negara. Tugas itu disambung oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih.

Bagaimanapun, sasaran DEB, iaitu untuk memastikan Melayu mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam semua bidang, masih belum sempurna. Dalam hal ini, sukar untuk mencari di mana silapnya kerana kesalahan tidak boleh diletakkan pada seseorang semata-mata.

Kerajaan sudah melakukan segala yang terdaya. Berbilion ringgit sudah mengalir keluar untuk membantu bangsa Melayu dari kumpulan termiskin hingga mencipta jutawan dari kalangan bangsa Melayu sendiri.

Orang Melayu sendiri menerima begitu banyak manfaat daripada pelbagai dasar kerajaan yang meletakkan hak keistimewaan Melayu mengatasi segala-galanya daripada golongan terpinggir dan tidak berpelajaran, kepada golongan pintar yang setanding dengan mana-mana bangsa maju lain di dunia serta tidak kurang kemewahan hidup jika dibandingkan dengan bangsa lain di

negara sendiri.

Bagaimanapun, manusia hanya mampu untuk merancang tetapi Tuhan yang menentukan. Begitu juga pelaksanaan dan kejayaan dalam mencapai sebarang hasrat bergantung kepada keadaan sekeliling, nasib serta mentaliti manusia itu sendiri.

Tidak siapa menduga, kejayaan yang sudah berada dalam tangan direntap begitu saja atas alasan globalisasi yang membawa kepada kegawatan ekonomi baik pada akhir 1980-an, mahu pun pada 1990-an.

Krisis berkenaan turut mencetus beberapa kegawatan lain, termasuk kemelut politik yang kini bukan saja mengancam kedudukan bangsa Melayu, bahkan perpaduan sesama anak bangsa.

Dalam pada itu, sebagai manusia biasa, kita juga perlu melihat kepada kekurangan diri sendiri, bukannya terus menyalahkan orang lain atas kegagalan yang dialami oleh anak bangsa.

Sikap dan mentaliti yang mudah mengalah serta terus mengharap bantuan adalah antara perkara yang menjadi halangan kepada perkembangan diri yang sihat.

Amat mengaibkan apabila bangsa asing dan orang luar mengecop kita dengan perkataan 'mentaliti subsidi' tetapi hakikatnya kenyataan itu ada kebenarannya.

Statistik menunjukkan lebih 80 peratus daripada projek kerajaan diberi kepada usahawan kita tetapi sub-kontraktor mereka terdiri daripada bangsa asing. Walaupun tidak semua usahawan mengharap kontrak kerajaan tetapi yang menyedihkan sebahagian besar memang bergantung kepada kerajaan, malah akan datang berulang kali untuk mendapatkan kontrak lain.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, ketika berbicara mengenai perkara ini mengangap walaupun ramai usahawan Melayu sudah berjaya, masih ramai yang belum boleh berdiri di atas kaki sendiri.

"Ambillah kontraktor Melayu dari kelas A sampai kelas F, ambillah korporat Melayu yang besar-besar... siapa yang boleh mendapat kontrak di luar kerajaan. Yang pakai Mercedes dan yang pakai kapal terbang jet pun, semuanya bergantung kepada projek kerajaan.

"Semua usahawan Melayu yang ada sekarang, termasuk di kalangan yang menentang kerajaan, hampir semuanya dicipta oleh kerajaan," katanya.

Disebabkan kerajaan tidak boleh menjadikan semua bangsa Melayu itu kaya atau setanding dengan tokoh perniagaan bangsa asing, maka beberapa orang dikenal pasti untuk diberi peluang tetapi pada masa yang sama memastikan kesan limpahannya turut dirasai oleh lebih ramai anak Melayu yang lain.

Ketika pada awal pentadbirannya sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir melihat bahawa tidak ada seorang anak Melayu pun yang bertaraf jutawan. Kalau ada pun yang terbabit dalam dunia perniagaan, semua boleh diibaratkan kecil atau seperti nyamuk saja.

Justeru, beliau berasa amat perlu untuk mencipta satu kumpulan Melayu yang mampu untuk diberi taraf seumpamanya. Dr Mahathir mula mengenal pasti beberapa orang yang mempunyai pengalaman dan sanggup bekerja keras untuk diberi peluang. Seorang demi seorang anak Melayu dilatih dan diberi peluang untuk mengemudi projek kerajaan.

Namun, tidak siapa boleh menduga apa yang menunggu di hadapan. Kemelesetan ekonomi pertama pada akhir 1980-an dan 1990-an menyaksikan semua yang dicipta kerajaan itu hampir musnah dengan kemelut ekonomi yang tidak diduga.

"Bila ekonomi meleset, ia bukan kerana silap mereka tetapi mereka yang teruk dihentam sedangkan kerajaan turut membantu ramai usahawan lain yang turut terjejas teruk, termasuk yang bukan Melayu.

"Tindakan yang didakwa sebagai bail out itu adalah perlu kerana sekiranya mereka hancur, turut terjejas ialah semua yang terbabit dengan perniagaan mereka, termasuk beribu-ribu anak Melayu yang menjadi

kakitangan syarikat," kata Azmi.

Justeru, orang Melayu perlu sedar bahawa kita bukan saja menghadapi masalah yang ada sekarang tetapi juga harus bersedia untuk menghadapi perubahan pada masa akan datang.

Yang paling penting ialah semua pihak perlu berfikiran waras kerana dengan arus globalisasi yang semakin mengganas sekarang, dunia menjadi semakin kecil. Kejatuhan beberapa pemimpin di sekitar rantau ini perlu dijadikan iktibar - apakah ia membawa keuntungan kepada rakyat negara terbabit atau mengeruhkan lagi keadaan.

Sebarang pertelingkahan, terutama sesama sendiri, sebenarnya boleh diselesaikan di meja rundingan.

Ternyata usaha ke arah itu yang dipelopori oleh Umno dan Pas bukan saja akan mengukuhkan semula kedudukan Melayu, bahkan memulangkan semula amaran kepada golongan tidak bertanggungjawab yang ingin melihat kuasa Melayu dilenyapkan dari bumi ini.

(END)